



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 41 /2026

BELIA MEMILIH MASA DEPAN NEGARA, KBS PERMUDAH PELAJAR ILKBS MENUNAIKAN TANGGUNGJAWAB MENGUNDI

7 JULAI 2026

1. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sentiasa komited memperkasa penyertaan belia dalam proses demokrasi negara dengan menyediakan kemudahan pelepasan cuti khas kepada pelajar Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) yang perlu pulang mengundi sempena Pilihan Raya Umum (PRU), Pilihan Raya Negeri (PRN) atau Pilihan Raya Kecil (PRK).
2. Sehubungan itu, Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia (BPKB), KBS telah mengeluarkan surat pemakluman kepada semua Pengarah ILKBS supaya memberikan pertimbangan pelepasan cuti khas kepada pelajar yang perlu pulang mengundi bagi menunaikan hak dan tanggungjawab sebagai warganegara.
3. KBS percaya bahawa setiap undi merupakan suara yang menentukan masa depan negara. Justeru, pelajar ILKBS tidak seharusnya berdepan dilema antara mengikuti latihan kemahiran dan menunaikan tanggungjawab sebagai warganegara.
4. Permohonan pelepasan cuti khas hendaklah dikemukakan kepada pihak pengurusan ILKBS dan akan dipertimbangkan berdasarkan lokasi pusat mengundi, tempoh perjalanan yang munasabah serta keperluan penyelarasan jadual latihan dan pembelajaran. Pelepasan ini adalah tertakluk kepada kelulusan Pengarah ILKBS. Langkah ini juga membolehkan pihak institut mengurus rekod kehadiran secara lebih sistematik di samping memastikan aspek kebajikan dan keselamatan pelajar sentiasa diberi perhatian sewajarnya.

5. Semua ILKBS turut diarahkan melaksanakan hebahan awal kepada pelajar yang layak mengundi supaya permohonan dapat dikemukakan lebih awal dan perancangan perjalanan pulang ke kawasan mengundi dapat dibuat dengan lebih lancar dan teratur.
6. KBS menyeru semua pelajar ILKBS yang layak mengundi supaya menggunakan hak mereka dengan penuh tanggungjawab serta menjadi sebahagian daripada generasi belia yang aktif menyumbang kepada pengukuhan demokrasi dan pembangunan negara.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

